

IQRA'

Bil. 3/2022
MAC

eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:
Topik Transgender**
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**
PTAR Dungun - muka 30




**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**
PTAR Hospital UiTM - muka 54

PROMOSI@PTAR



KUNJUNG HORMAT KE PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN BERSAMA PENOLONG REKTOR 28 MAC 2022

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman



Pada 28 Mac 2022 PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan Kunjung Hormat Kepada Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin, Dr. Siti Normah binti Awang Tuah. Program ini dijalankan secara atas talian dengan menggunakan medium webex selama 2 jam. Kunjung Hormat ini merupakan inisiatif PTAR bagi memantapkan Pengurusan Perpustakaan melalui kerjasama dan komunikasi dua hala antara Perpustakaan dengan pihak Pengurusan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin.

Objektif program ini juga adalah untuk mempromosi perkhidmatan sedia ada dan yang baharu iaitu perkhidmatan digital bagi memastikan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dikenali dan diketahui oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang ada di UiTM Cawangan Melaka untuk bekerjasama dalam memantapkan Pengurusan Perpustakaan di UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

1. Pengenalan Organisasi PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin
2. Laporan Pencapaian PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin
3. Aktiviti Sepanjang Tahun 2021 PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin
4. Repositori Universiti dan Dasar Penyerahan Harta Intelekt
5. Pengurusan Rekod Universiti
6. Penyelidikan Universiti
7. Perkhidmatan Digital PTAR
8. Harapan PTAR

